



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR DALAM TALIAN/ *ONLINE***

---

<b>NAMA KURSUS</b>	<b>: PERHUBUNGAN PERINDUSTRIAN MALAYSIA: UNDANG-UNDANG DAN AMALAN</b>
<b>KOD KURSUS</b>	<b>: DSM3193</b>
<b>PEPERIKSAAN</b>	<b>: JUN 2022</b>
<b>MASA</b>	<b>: 3 JAM</b>

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: BAHAGIAN A (60 Markah)  
BAHAGIAN B (40 Markah)
2. Sila rujuk pada arahan terperinci di dalam kertas soalan ini.
3. Jawab **SEMUA** soalan di dalam kertas jawapan iaitu kertas bersaiz A4 (atau lain-lain kertas dengan persetujuan pensyarah berkaitan).
4. Tulis butiran anda seperti mana berikut di penjuru atas kiri bagi setiap kertas jawapan:
  - i. Nama Penuh Pelajar
  - ii. No. Kad Pengenalan
  - iii. Seksyen Kelas
  - iv. Kod Kursus
  - v. Nama Kursus
  - vi. Nama Pensyarah
5. Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat di penjuru bawah kanan.
6. Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas.

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

KERTAS SOALANINI MENGANDUNGNI 15 HALAMAN BER CETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

---

**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **TIGA PULUH (30)** soalan.

Jawab **semua** soalan pada Kertas Jawapan.

1. Hubungan industri yang baik menghasilkan peningkatan \_\_\_\_\_ dan seterusnya keharmonian.

- A** konflik
- B** disiplin
- C** kecekapan
- D** ketidakhadiran

2. Pasangan manakah yang **betul** tentang penubuhan kesatuan sekerja dari tahun 1946 hingga 1947?

	<b>Tahun</b>	<b>Peristiwa</b>
<b>A</b>	1946	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Enakmen Kesatuan Malaya 1940 telah dilaksanakan.</li> </ul>
	1947	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Telah berlaku mogok.</li> </ul>
<b>B</b>	1946	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Enakmen Kesatuan Sekerja 1940 telah dikuatkuasakan di Tanah Melayu.</li> </ul>
	1947	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jabatan Penasihat Kesatuan Sekerja diwujudkan.</li> </ul>
<b>C</b>	1946	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kesatuan Sekerja Pan Malayan Kebangsaan ditubuhkan.</li> </ul>
	1947	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Enakmen Kesatuan Sekerja 1940 ditubuhkan dan tidak lama selepas itu kerajaan British telah membuat pindaan.</li> </ul>
<b>D</b>	1946	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Telah berlaku mogok yang dilakukan oleh kongsi-kongsi gelap.</li> </ul>
	1947	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penubuhan Jabatan Kesatuan Sekerja untuk mengekang kejadian mogok dari terus terjadi.</li> </ul>

3. Apakah alasan yang mungkin menyebabkan perhubungan perusahaan tidak boleh wujud tanpa kesatuan sekerja?
- A Kesatuan sekerja digunakan untuk menyelesaikan masalah.  
B Organisasi membantu pekerja mencapai matlamat yang mereka ingini.  
C Majikan mempunyai hak yang sama untuk melindungi apa-apa yang mereka rasakan sebagai penting untuk dilindungi.  
D Majikan berhubung dengan pekerja dalam soal penetapan objektif, sistem kerja, pembahagian keuntungan dan pemberian pampasan.
4. Bahagian manakah yang tidak terpakai kepada perkhidmatan kerajaan atau pihak berkuasa berkanun sebagaimana seksyen 52, Akta Perhubungan Perusahaan 1967?
- A Bahagian IV (Pendamaian).  
B Bahagian VII (industrial court).  
C Bahagian VI (representasi terhadap pemecatan).  
D Bahagian V (collective bargaining and collective agreement).
5. Bagaimanakah kaedah pendamaian boleh membantu dalam menangani konflik industri?
- A Pihak yang bertikai akan melaksanakan perbincangan secara aman.  
B Seorang pengadil yang dipercayai akan diminta untuk mengadili pihak yang bertikai.  
C Pihak yang bertikai mesti mempunyai sikap kompromi semasa sesi pendamaian.  
D Jabatan Perhubungan Perusahaan membantu menyelesaikan pertikaian antara majikan dengan pekerja-pekerja.

6. Sebagai Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan Malaysia, Jabatan Perhubungan Perusahaan telah berjaya meneroka bidang baharu dalam perhubungan perusahaan dengan membangunkan Indeks Keharmonian Perusahaan (IHI) bagi mengukur dimensi keharmonian perusahaan Malaysia. Apakah kriteria yang diukur dalam IHI berkenaan?
- i. Keamanan.
  - ii. Keterhubungan.
  - iii. Hubungan memupuk.
  - iv. Keakraban antara pekerja dan majikan.

**A** i dan ii

**B** i dan iv

**C** ii dan iii

**D** iii dan iv

7. Pernyataan 1 ialah visi Kementerian Sumber Manusia.

“Peneraju pembangunan dan pengurusan sumber manusia Negara”.

#### Pernyataan 1

Sebagai warga Kementerian, bagaimanakah anda memastikan bahawa Kementerian Sumber Manusia boleh mencapai visi berkenaan?

**A** Keamanan.

**B** Produktiviti.

**C** Tripartisma.

**D** Jaringan keselamatan.

8. Yang manakah antara berikut **tiada** kaitan dengan pertubuhan kesatuan sekerja?

**A** MNU

**B** WMO

**C** CIEU

**D** NUBE


9.

**Perbualan 1**

Apakah perkara yang berkaitan dengan perbualan 1 di atas?

- A** Motif sukan.
- B** Motif sosial.
- C** Motif aktiviti.
- D** Motif kewangan.

10. Rajah 1 menunjukkan ciri-ciri kesatuan sekerja swasta.

**Rajah 1**

Apakah yang diwakili oleh X?

- A** Kesedaran pekerja.
- B** Mewujudkan integrasi kaum.
- C** Terdapatnya jawatankuasa sendiri.
- D** Membina pekerja yang berdaya saing.

11. Apakah tindakan majikan yang boleh dianggap sebagai bertentangan dengan kebebasan berkesatuan?

- A Menghalang pekerja dari menghampiri premis.
- B Diskriminasi terhadap penurunan pangkat pekerja.
- C Memberhentikan pekerja atas alasan bergaduh dalam waktu bekerja.
- D Memujuk pekerja untuk menjadi ahli kesatuan di tempat perniagaan majikan.

12. Mengapakah majikan perlu mewujudkan Jawatankuasa Perbincangan Bersama?

- A Mengelakkan berlakunya konflik industri.
- B Mengelakkan pekerja daripada menyertai kesatuan sekerja.
- C Membincangkan penambahbaikan terhadap polisi-polisi syarikat.
- D Memberi peluang kepada pekerja untuk turut serta dalam membuat keputusan organisasi.

13. Apakah butiran yang perlu ada dalam permohonan pendaftaran sesuatu kesatuan sekerja?

- i. Nama dan alamat majikan.
- ii. Alamat ibu pejabat organisasi.
- iii. Jawatan dan alamat pegawai kesatuan.
- iv. Umur ahli jawatan kuasa tertinggi dan nama kesatuan.

A i dan ii

B i dan iv

C ii dan iii

D iii dan iv

14. Kesatuan Sekerja Serumpun dalam proses melantik Ahli Jawatankuasa kesatuan berkenaan. Apakah kaedah yang boleh digunakan oleh Kesatuan Sekerja Serumpun untuk memilih dalam kalangan ahlinya menjadi Ahli Jawatankuasa Kesatuan?

- A Melaksanakan undi sulit.
- B Memilih pekerja yang berstatus *seniority*.
- C Membuat pilihan dengan cara angkat tangan.
- D Melakukan pilihan raya kecil dalam kalangan ahli kesatuan.

15. Apakah tindakan yang perlu dilakukan oleh kesatuan sekerja setelah mendapat pengiktirafan daripada pihak majikan?

- A Memohon status untuk berkesatuan.
- B Memohon untuk terlibat dalam ‘tutup pintu’.
- C Memohon untuk disebut sebagai ‘kesatuan di tempat kerja’.
- D Terlibat dalam perundingan bersama-sama dengan majikan.

16. Hassan baru sahaja tamat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun 2021. Beliau telah bekerja sebagai kerani di MLJ Sdn. Bhd. selama enam bulan. Ketua Pegawai Eksekutif di MLJ Sdn. Bhd ialah seorang ahli perniagaan yang berjaya selain merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri bagi kawasan Selasih. Hassan telah menyertai Kesatuan Sekerja MLJ semenjak hari pertama beliau melapor diri.

## Penyataan 2

Pada pandangan anda, bolehkah Hassan memegang jawatan sebagai eksekutif dalam kesatuan sekerja yang disertainya?

- A Boleh, kerana Hassan bukan bekerja dalam parti politik.
- B Tidak boleh, kerana Hassan dikatakan telah bekerja dalam parti politik.
- C Boleh, kerana Hassan merupakan warganegara dan berumur 18 tahun.
- D Tidak boleh, kerana Hassan belum cukup setahun menjadi ahli kesatuan.

17. Manakah antara berikut merupakan tindakan yang perlu dilakukan oleh kesatuan sekerja sekiranya sijil pendaftarannya telah dibatalkan oleh Ketua Pengarah?

- A Menyediakan pampasan kepada anggota kesatuan sekerja.
- B Kesatuan sekerja perlu mengambil bahagian dalam pengurusan liabiliti.
- C Dananya perlu dilupuskan mengikut cara yang ditetapkan dalam peraturan kesatuan sekerja.
- D Menyelesaikan kos dan perbelanjaan pentadbiran seperti pembayaran gaji, elauan dan mengaudit akaun kesatuan.

18. Apakah yang dimaksudkan dengan ‘perundingan bersama’?

- A Proses di mana kesatuan merekrut anggota baharu.
- B Proses di mana kesatuan berunding dengan pembekal untuk penyediaan bangunan dan perabot.
- C Suatu proses di mana kesatuan bertemu dengan kesatuan lain untuk membincangkan pengambilan pekerja.
- D Suatu proses di mana sebuah kesatuan berunding dengan majikan bagi pihak anggotanya yang bersangkutan berkenaan terma dan syarat pekerjaan.

19. Kesatuan sekerja anda akan mengadakan rundingan bersama tidak lama lagi.

Apakah yang boleh anda lakukan, supaya cadangan rundingan bersama anda diterima oleh pihak majikan tanpa wujudnya pertikaian?

- A Pihak kesatuan boleh memberikan beberapa cadangan alternatif yang terbaik.
- B Kesatuan sekerja perlu melakukan kajian tentang keadaan ekonomi semasa sebelum menghadiri rundingan.
- C Kesatuan perlu memastikan bahawa cadangan rundingan bersama hanya yang melibatkan syarat dan terma perkhidmatan.
- D Pihak kesatuan perlu menghindari daripada perkara-perkara yang boleh menyebabkan perbalahan dan ancaman terhadap pihak majikan.

20. Pada pengetahuan anda, apakah faktor yang boleh menyebabkan sesbuah syarikat menangguhkan rundingan bersama dengan kesatuan sekerja?

- A Cadangan perubahan terma-terma pekerjaan memberi kerugian kepada pihak majikan.
- B Pihak kesatuan sekerja telah mencadangkan terma dan syarat yang tidak masuk akal.
- C Pihak kesatuan sekerja tidak mahu bertolak ansur semasa sesi rundingan berlangsung.
- D Ramai ahli kesatuan sekerja yang telah berhenti daripada menganggotai kesatuan sekerja.

**21.**

### **SYARIKAT ELEKTRONIK: KESATUAN LANGGAR PERJANJIAN BERSAMA**

Pihak Kesatuan Sekerja Industri Elektronik Wilayah Barat telah melanggar persetujuan bersama semasa rundingan di Ibu Pejabat Perhubungan Perusahaan Shah Alam yang diadakan pada 16 Disember 2019 bahawa kedua-dua pihak tidak membuat sebarang provokasi dalam tempoh rujukan pertikaian industri yang melibatkan perjanjian bersama (CA) ke Mahkamah Industri

Sebanyak lima kali rundingan telah dibuat oleh pihak syarikat dengan pihak kesatuan iaitu pada tarikh 23 Julai 2019, 28 Ogos 2019, 17 dan 26 September 2019, dan 10 Oktober 2019. Sebanyak 38 Artikel telah berjaya diselesaikan manakala 20 Artikel gagal mendapat persetujuan bersama.

*Sumber: malaysiakini.com, 18 Feb 2020.*

#### **Petikan 1**

Berdasarkan kepada petikan 1 di atas, bagaimakah cara untuk kedua-dua belah pihak menyelesaikan 20 Artikel yang masih dalam perbincangan namun tiada sebarang keputusan bersama lagi?

- A** Sentiasa bersikap positif.
- B** Menjadi pendengar yang baik.
- C** Mengelakkan daripada membuat ancaman terhadap pihak yang lain.
- D** Kedua-dua belah pihak perlu mengamalkan prinsip menang-menang.

22. Gambar 1 merupakan perjanjian kolektif yang telah mendapat pengiktirafan daripada Mahkamah Perusahaan.



Gambar 1

Berdasarkan kepada gambar 1, mengapakah sesuatu perjanjian kolektif perlu mendapatkan pengiktirafan daripada pihak Mahkamah Perusahaan?

- A Perjanjian kolektif akan terpakai untuk mengikat pihak majikan dengan kesatuan sekerja.
- B Untuk diguna pakai oleh pihak majikan dan kesatuan sekerja dalam membentuk terma yang lebih baik.
- C Perjanjian kolektif melambangkan persetujuan terhadap terma dan syarat perkhidmatan antara majikan dengan kesatuan.
- D Membolehkan pihak mahkamah mengambil tindakan yang wajar sekiranya berlaku ketidakpatuhan terhadap perjanjian kolektif.

23. Apakah ciri seorang mediator yang berkualiti?

- A Tidak berat sebelah.
- B Sentiasa bertolak ansur.
- C Bekerja mengikut minat pekerja.
- D Mendahului kepentingan kerajaan.

**24.** Kesatuan Sekerja Pekerja PELADANG merancang untuk mengadakan mogok di tempat kerja kerana mereka tidak bersetuju dengan terma dan syarat baharu yang lebih berpihak kepada pihak PELADANG. Apakah cara yang boleh dilakukan oleh pihak PELADANG bagi menghalang pekerja-pekerjanya untuk melaksanakan mogok?

- A** Intimidasi.
- B** Menaikkan insentif dan gaji.
- C** Melaksanakan sekat masuk.
- D** Mengugut untuk memecat pekerja yang terlibat dengan mogok.

**25.** Kesatuan Sekerja CoCo telah mengadakan undi sulit pada 23 Mac 2022. Keputusan undi sulit berkenaan telah dikemukakan kepada Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja (KPKS) pada 25 Mac 2022. Pihak KPKS telah menerima keputusan undi sulit berkenaan pada 27 Mac 2022. Pada tarikh bilakah mogok boleh dilaksanakan?

- A** 30 Mac 2022.
- B** 31 Mac 2022.
- C** 01 April 2022.
- D** 02 April 2022 .

**26.** Mengapakah pertikaian perdagangan dimasukkan ke dalam Bahagian IX Akta Perhubungan Perindustrian 1967?

- A** Untuk mengelakkan mogok haram.
- B** Memberi kelegaan kepada pekerja dalam hal pemberhentian dan pemecatan yang salah.
- C** Untuk mempromosikan langkah-langkah bagi menjamin dan memelihara hubungan yang baik antara majikan dengan pekerja.
- D** Semua di atas.

27. Manakah antara berikut merupakan kes yang boleh dirujuk kepada Mahkamah Perindustrian?

- i. Pekerja telah dijatuhkan hukuman penjara atas sebab kes pecah amanah.
- ii. Pekerja diancam untuk dicederakan kerana terlibat dalam aktiviti kesatuan.
- iii. Perbezaan pandangan antara kesatuan dan majikan dalam mentafsir perjanjian kolektif.
- iv. Majikan membuat tuntutan balas selepas tuntutan majikan tidak menyebelahi pihaknya.

**A** i dan ii

**B** i dan iv

**C** ii dan iii

**D** iii dan iv

28. Berdasarkan Artikel 22 (b) Kod Amalan Keharmonian Perusahaan 1975, konsep *last in first out* (LIFO) boleh dilakukan atas faktor

- i. Umur pekerja.
- ii. Keadaan keluarga pekerja.
- iii. Perjanjian yang nyata dengan majikan.
- iv. Penutupan sepenuhnya operasi perniagaan.

**A** i dan ii

**B** i dan iv

**C** ii dan iii

**D** iii dan iv

29. Manakah antara berikut **tidak termasuk** dalam senarai semak pihak pengurusan apabila melaksanakan *retrenchment*?

- A Bantuan kaunseling.
- B Menyediakan pampasan.
- C Status pekerja seperti bukan warganegara, sambilan dan pekerja kontrak.
- D Kaedah pemilihan pekerja yang diberhentikan adalah betul dan dipersetujui bersama.

30. Hakim bekerja sebagai Jurutera Bahan dan Reka Bentuk di Syarikat Alam Holdings. Beliau mempunyai pengalaman dan kemahiran yang bagus dalam bidang reka bentuk serta mempunyai *Intelligence quotient* (IQ) yang tinggi. Di Alam Holdings hanya Hakim sahaja yang memegang jawatan berkenaan. Sekiranya Alam Holdings hendak melaksanakan pemberhentian pekerja, bolehkan pemberhentian dilakukan kepada Hakim?

- A Boleh, kerana syarikat akan menutup operasi syarikat.
- B Boleh, kerana ianya tidak melanggar kontrak perkhidmatan.
- C Tidak boleh, kerana Hakim diperlukan untuk kelangsungan operasi syarikatnya.
- D Tidak boleh, kerana pihak syarikat sukar untuk mendapatkan pekerja yang berpengalaman seperti Hakim.

[60 MARKAH]

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada kertas jawapan.

**SOALAN 1**

a. Terangkan secara ringkas sejarah penubuhan Kongres Kesatuan Sekerja Malaya (MTUC).

(10 markah)

b. Bagaimanakah MTUC berperanan sebagai payung kepada kira-kira 500,000 golongan pekerja di Malaysia dari pelbagai sektor seperti perladangan, perbankan, pembinaan dan perkhidmatan?

(10 markah)

**SOALAN 2**

Pernyataan 3 berkaitan dengan pengiktirafan kesatuan sekerja

PUTRAJAYA – Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM) berjaya menyelesaikan isu tuntutan pengiktirafan dan perjanjian kolektif yang berlarutan selama 10 tahun antara RHB Bank Berhad dan Kesatuan Eksekutif RHB Bank Berhad.

*Sumber: Kosmo, 11 Mei 2021*

**Pernyataan 3**

- a. Apakah yang boleh menyebabkan RHB Berhad tidak memberikan pengiktirafan kepada Kesatuan Eksekutif RHB Bank Berhad?

(6 markah)

- b. Sekiranya anda diminta untuk membantu Kesatuan Eksekutif RHB Bank Berhad dalam menuntut pengiktirafan daripada majikan, apakah yang akan anda lakukan?

(14 markah)

**[40 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**